

21/06/2003

Gaya kepemimpinan tentukan dasar luar

Prof Madya Dr Azmi Hassan

MEMANG sukar untuk tidak membandingkan corak kepemimpinan Perdana Menteri,

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kedua-dua pemimpin ini mendapat perhatian istimewa sepanjang Perhimpunan

Agung Umno 2003 dengan setiap gerak-geri, tindak-tanduk dan gaya ucapan mereka diberi analisis secara terperinci.

Perhatian kepada Dr Mahathir diberi kerana perhimpunan kali ini adalah yang terakhir bagi beliau sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Abdullah pula menjadi perhatian kerana beliau akan mencorakkan bentuk pemerintahan akan datang walaupun pada asasnya tidak banyak akan berubah kerana dasar yang ditentukan tidak akan diubah.

Tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa corak kepemimpinan kedua-dua tokoh

berkenaan memiliki sedikit perbezaan dan ini akan sedikit-sebanyak mempengaruhi hala tuju dasar negara.

Rakyat Malaysia telah pun merasai corak kepemimpinan Abdullah selama dua

bulan ketika Dr Mahathir mengambil cuti panjang di luar negara. Kaedah bagaimana pemangku Perdana Menteri menangani masalah Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) adalah petunjuk terbaik corak kepemimpinan Abdullah.

Gaya kepemimpinan seseorang itu dianggap penting kerana ia akan menentukan bukan saja dasar dalam negara tetapi juga bagaimana Malaysia bertindak terhadap masalah yang memerlukan pengolohan dasar luar yang sudah tentu membabitkan negara asing.

Contoh terbaik ialah bagaimana gaya kepemimpinan mencorak gaya pemimpin

negara berkenaan menangani isu Amerika Syarikat (AS) menceroob Iraq. Majoriti warga dunia mengetahui bahawa sebab utama yang digunakan untuk menceroob Iraq adalah palsu semata-mata.

Sehingga hari ini, senjata pemusnah besar (WMD) masih tidak ditemui walaupun ratusan saintis dan bekas panglima tertinggi tentera Iraq berada

dalam kawalan AS. Kaitan Saddam Hussein dengan kumpulan Al-Qaeda seperti yang digembar-gemburkan oleh Rumah Putih juga nyata tidak wujud langsung.

Kita ambil tiga contoh negara Asia Tenggara yang amat menarik - Singapura, Thailand dan Malaysia - untuk dijadikan bahan perbandingan.

Singapura yang dipimpin oleh Goh Chok Tong berada dalam kelompok negara

yang menyokong secara terbuka pencerobohan Iraq manakala Malaysia di bawah

kepemimpinan Dr Mahathir berada dalam kelompok negara yang menentang secara terbuka tindak-tanduk AS.

Thailand yang dipimpin oleh Perdana Menteri, Thaksin Shinawatra, pula berada dalam kelompok samar kerana tidak diketahui sama ada mereka

menyokong atau menentang pencerobohan Iraq disebabkan pendirian negara itu tidak dinyatakan secara jelas.

Ada kalangan membuat kesimpulan bahawa Thailand telah membenarkan AS menggunakan pangkalan udara U-Tapao di Chonburi untuk kegunaan logistik jet pengebom B-52 sewaktu pencerobohan Iraq.

Andaian ini dikuatkan lagi dengan penggunaan kapal terbang pengisi minyak KC-135 ketika perang Afghanistan dulu.

Ini tidak menghairankan kerana U-Tapao kerap digunakan oleh tentera AS ketika mengadakan latihan bersama seperti latihan perang Cobra Gold, April lalu.

Penggunaan U-Tapao oleh tentera AS dinafikan oleh Thaksin yang seolah-olah cuba menggambarkan bahawa Thailand tidak menyokong pencerobohan Iraq.

Paling menghairankan lagi ialah walaupun Thailand cuba menggambarkan penentangan kepada AS tetapi berkemungkinan membenarkan tentera AS berpangkalan di U-Tapao sebagai pangkalan hadapan menangani masalah pengganas di Asia Tenggara adalah satu dasar yang mengelirukan.

Walaupun Thaksin menunjukkan sikap berdolak-dalik dalam menyokong AS, ramai penganalisis berpendapat bahawa Thailand sememangnya bersama AS. Ini

dikuatkan lagi oleh hakikat Thaksin diberi layanan istimewa oleh Presiden

AS, George W Bush, apabila Perdana Menteri Thailand itu membuat kunjungan

ke AS minggu lalu.

Malah, besar kemungkinan Thailand dan AS akan menandatangani Perjanjian

Perdagangan Bebas (FTA) tidak lama lagi sebagai balasan terima kasih AS.

Berbeza dengan Thaksin, Goh tidak berdolak dalik dalam memberi sokongan

terbuka kepada AS dalam segala tindak-tanduk yang dilakukan oleh Bush.

Berdepan dengan senario Bush telah mempermain dan memperdayakan Goh supaya menyokong usaha AS mencero boh Iraq, pendirian Perdana Menteri Singapura itu dalam menyokong AS tidak berbelah bagi.

Pendirian Singapura adalah kental dan tidak berubah. Mereka tetap mempercayai bahawa pencerobohan Iraq adalah sesuatu yang perlu dilakukan.

Sebab itulah Goh mendapat layanan paling istimewa daripada Bush ketika Singapura dan AS menandatangani FTA beberapa minggu lalu di Washington.

Berbeza dengan Thailand dan Singapura, Malaysia pula menerima pelbagai kecaman kerana pendirian tegas negara mempertahankan pendapat bahawa pencerobohan Iraq adalah salah.

Duta AS ke Malaysia, Marie T Huhtala, dalam beberapa siri ucapan beliau

telah menyatakan bahawa Washington kurang senang dengan sikap beberapa pemimpin Malaysia yang begitu lantang mengkritik dasar AS.

Huhtala menambah bahawa Washington mengambil kira kelantangan pemimpin Malaysia mengkritik Rumah Putih dan berkemungkinan akan mengeruhkan lagi hubungan Kuala Lumpur-Washington.

Tetapi, Malaysia yang dipimpin Dr Mahathir tetap dengan pendirian tegas

bahawa cara AS menangani isu keganasan adalah salah. Paling baru,

kritikan

Perdana Menteri terhadap dasar Rumah Putih terkandung dalam ucaptama Persidangan Tahunan Kelapan Mengenai Minyak dan Gas Asia beberapa hari lalu.

Antara lain, Dr Mahathir berkata, "Secara teknikalnya, perang Iraq sudah sudah pun berakhir. Namun, perang untuk menangani keganasan masih jauh daripada menjadi semakin baik menerusi kemenangan tentera bersekutu."

Huhtala juga ada menyebut bahawa Washington tidak menyenangi kenyataan yang mengandaikan mereka yang terkorban ketika peristiwa 11 September adalah sebagai kemusnahan awam (collateral damage).

Kenyataan ini besar kemungkinan ditujukan kepada ucapan Perdana Menteri ketika merasmikan sidang Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur beberapa bulan lalu.

Analogi kemusnahan awam oleh Perdana Menteri mungkin dianggap keras oleh AS, tetapi jika dilihat dari sudut jumlah kemusnahan awam di Afghanistan dan Iraq sudah berlipat kali ganda daripada 'kemusnahan awam' serangan 11 September, maka analogi ini mungkin ada kebenarannya.

Pencerobohan Iraq menunjukkan Bush adalah seorang yang pendendam terhadap orang yang menentang beliau.

Tetapi, layanan mesra yang diberikan Bush kepada Dr Mahathir ketika Sidang Kemuncak G8 di Evian, Perancis berkemungkinan menunjukkan bahawa Presiden AS itu memahami dan menghargai dasar luar Malaysia yang lebih bersifat tidak berat sebelah dan sentiasa berterus terang tanpa ada agenda tersembunyi.

Walaupun corak kepemimpinan di antara Dr Mahathir dan Abdullah mungkin berbeza dari segi gaya, dasar luar Malaysia yang tidak gentar berterus terang, tidak mempunyai agenda tersembunyi dan berpandukan kepada prinsip keadilan, diharap akan terus dapat diamalkan.